

**KERJASAMA MoU ANTARA
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
DAN
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK (JMNPk)**

1.0 PELAKSANAAN PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (*MEMORANDUM OF UNDERSTANDING*) DI ANTARA INSTUN (MEWAKILI KERAJAAN MALAYSIA) DENGAN KERAJAAN NEGERI PERAK

1.1 Jabatan Mufti Negeri Perak (JMNPk)

Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara INSTUN dengan JMNPk telah diadakan pada jam 11.00 pagi, 17 Oktober 2018 (Rabu) bersamaan 8 Safar 1440H, bertempat di Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), Blok Akademik C, INSTUN. Majlis ini dikendalikan oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), INSTUN dan dimeterai selepas usainya majlis perasmian sempena Seminar Falak Nusantara 2018 atau *Southeast Asia-Regional Astronomy Seminar* 2018 (SARAS 2018) anjuran kerjasama INSTUN, JMNPk dan Universiti Malaya (UM) yang dijalankan serentak pada hari yang sama. Majlis bersejarah yang ringkas tetapi penuh bermakna tersebut disempurnakan oleh YBhg. Sahibus Samahah (SS) Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria (Mufti Kerajaan Negeri Perak) dan YBrs. Puan Norehan binti Omar (Pengarah INSTUN) serta disaksikan oleh Timbalan Mufti Negeri Perak iaitu Tuan Haji Zamri bin Hashim serta Pendaftar INSTUN iaitu Encik Anis Zaihasmy bin Zainal Abidin.

1.2 Bidang Kerjasama

Dengan pemeteraian MoU ini, INSTUN dan JMNPk akan berusaha untuk mengambil langkah perlu untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang-bidang yang berikut:-

- a) perkongsian maklumat dan kepakaran bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pembangunan modal insan dalam bidang ilmu Falak;
- b) penyertaan bersama dalam melaksanakan kursus berkaitan bidang falak syarie; dan
- c) menjalankan apa-apa bentuk kerjasama yang lain dalam bidang falak syarie seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dari semasa ke semasa.

1.3 Senarai Kerjasama Terkini MoU UPSI – INSTUN

Berikut merupakan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kerjasama berkaitan MoU di antara UPSI – INSTUN yang telah dilaksanakan bagi tahun 2018:-

BIL.	PERKARA	PELAKSANAAN
1.	<p><u>Southeast Asia Regional Astronomy Seminar / Seminar Falak Nusantara 2018 (SARAS 2018)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - anjuran kerjasama INSTUN, JMNPk dan Universiti Malaya (UM) pada 17 – 18 Oktober 2018 berlokasi di INSTUN, Tanjong Malim, Perak. Pelbagai aktiviti dilaksanakan sepanjang program berlangsung antaranya adalah <i>flash talk/ seminar</i> oleh pembentang pakar falak terdiri daripada pelbagai negara, pameran falak di Perpustakaan INSTUN, <i>photo booth</i>, DOME, gerai-gerai jualan, aktiviti menderma darah, pemeteraian MoU dan pelbagai lagi. 	17 – 18 Oktober 2018

